

Oleh **Wan Mohd Ruzlan Wan Omar**



Aktif sukan tak halang cemerlang akademik

Sudah menjadi satu tanggapan bagi sesetengah ibu bapa yang berfikir bahawa sekiranya anak mereka aktif dalam kegiatan sukan akan menyebabkan gangguan terhadap pembelajaran akademik. Bukan setakat ibu bapa yang berpersepsi sedemikian, malah ada juga pelajar yang menolak bergiat secara aktif dalam sukan di sekolah, semata-mata beralasan bahawa ia akan mengganggu pelajaran dan prestasi tinggi dalam peperiksaan sukar diperoleh. Benarkah tanggapan seperti itu?

Sesungguhnya kegagalan seseorang pelajar dalam memperoleh kejayaan cemerlang dalam akademik bukan disebabkan mereka aktif dalam sukan atau kegiatan kokurikulum lain di sekolah. Hal itu kerana kejayaan seseorang pelajar dihasilkan menerusi komitmen dan kesungguhan dalam menekuni sesuatu pelajaran.

Kita ambil contoh yang mana dua remaja yang cukup aktif dalam dunia sukan sehingga mewakili negara di luar negara, namun pada masa yang sama mereka berdua masih mampu membahagikan masa sehingga akhirnya berjaya cemerlang dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun lalu.

Remaja yang dimaksudkan itu ialah pemain tenis remaja negara, Julia Hamah Junaidi, 12 tahun.

Dia bukan saja cemerlang di gelanggang tenis yang menjadi kegemarannya, malah berjaya membuktikan kepintarannya dalam akademik. Julia memperoleh 5A dalam UPSR.

Julia adalah murid Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara dan kejayaan yang dicapainya menjadi isyarat jelas bahawa sesiapa pun mampu memperoleh kecemerlangan dalam pelajaran asalkan tekun dan gigih dalam menekuni pelajaran di samping bijak menguruskan masa.

Bukan mudah bagi seseorang pelajar yang aktif dalam sukan, apatah seperti Julia yang mewakili negara kerana dia perlu pandai mengurus waktu setiap hari. Tanpa pengurusan masa yang ketat, maka mustahil bagi mana-mana pelajar pun untuk mencapai kejayaan cemerlang. Jadi, bukan sukan yang salah seandainya seseorang itu gagal, sebaliknya pelajar itu yang kurang bijak dalam mengatur perjalanan masa sehingga hal ehwal pembelajaran terabai.

Seorang lagi remaja aktif dalam dunia sukan dan pada waktu sama cemerlang dalam UPSR ialah Muhammad Amir Amirul Azhar, pemain skuasy remaja negara.

Dia pernah merangkul pelbagai gelaran seperti juara Kejohanan Terbuka Remaja Doha, Terbuka

Remaja Qatar, Kejohanan Skuasy Remaja Asia di Iran, Piala Ong Beng Hee dan juga Kejohanan Skuasy Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM).

Lihatlah bagaimana aktifnya adik ini dalam sukan yang diminatinya.

Muhammad Amir yang dianggap antara bintang muda harapan negara dalam sukan skuasy tidak pernah lupa bahawa sukan bukan segala-galanya.

Sebaliknya dia selalu dipesan oleh kedua-dua ibu bapanya bahawa pelajaran tetap perlu diletak sebagai agendanya yang tidak boleh dikompromi.

Muhammad Amir murid Sekolah Kebangsaan Padang Garong 2, Kota Bharu, Kelantan itu turut tersenarai dalam kelompok lapan pemain terbaik dalam Kejohanan Terbuka Remaja British 2015.

Dia ada menceritakan perihal usahanya dalam mencapai kejayaan dalam UPSR dengan memperoleh 4A 1B.

"Saya bukan hanya mahu berjaya dalam skuasy, tetapi juga pelajaran. Walaupun saya sibuk mengikuti sesi latihan, tetapi ibu bapa saya sentiasa memberikan nasihat supaya saya tidak melupakan pelajaran. Saya berbangga kerana mempunyai ibu bapa yang banyak memberi dorongan selain guru dan rakan yang banyak membantu," katanya.

Diibarat sebutir permata dalam sukan skuasy tanah air dan sekiranya semua pihak yang berkenaan mampu memberikan perhatian serius kepadanya, insya-Allah tidak mustahil adik ini bakal menggegarkan pentas dunia dalam sukan skuasy.

Andainya kita meneliti apa yang diberitahu oleh Muhammad Amir berkenaan resipi kejayaannya dalam UPSR, maka terserlahlah hakikat bahawa ibu bapa banyak memainkan peranan dalam menecorak kecemerlangan anak dalam apa bidang sekali pun, lebih-lebih lagi dalam pelajaran.

Seharusnya kejayaan dua atlet remaja negara dalam peperiksaan UPSR menjadi hujah yang kuat untuk kita menepis persepsi negatif selama ini yang mengatakan sekiranya anak kita bergiat aktif dalam sukan, maka ia akan mengganggu pelajaran.

Kejayaan dua atlet remaja negara itu juga sesungguhnya terzahir menerusi sikap mereka yang positif dalam pelajaran. Jadi, elemen sikap dalam diri seseorang atlet muda banyak memberi kesan ke atas usaha untuk memperoleh kejayaan dalam pelajaran.

Penulis Berkelulusan Sarjana Muda Sastera Pengkhususan Sejarah (Kepujian) UKM